A

Olier Shekh Awoyal Shekh lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO 05–153–07 TAHUN 2014(N)
AHMAD MAAROP, HASAN LAH, ABU SAMAH NORDIN, AZAHAR MOHAMED DAN ZAHARAH IBRAHIM HHMP
14 DISEMBER 2016

C

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah dan dihukum atas dua pertuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan dan satu pertuduhan cubaan membunuh di bawah s 307 Kanun — Sama ada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi terkhilaf dalam memutuskan bahawa keterangan ikut keadaan memadai untuk mensabitkan perayu bersalah — Sama ada Mahkamah Tinggi gagal menilai keterangan perayu dan saksi secara maksimum — Sama ada Mahkamah Tinggi menggunakan standard pembuktiaan yang betul dalam mensabitkan perayu bersalah — Sama ada sabitan dan hukuman ke atas perayu selamat — Kanun Keseksaan ss 302 & 307 — Kanun Tatacara Jenayah ss 182A & 399

D

E

Perayu, seorang warganegara Bangladesh telah dituduh dengan dua tuduhan membunuh dua orang rakan senegaranya bernama Kadir dan Shahin di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') dan satu pertuduhan cubaan membunuh rakannya yang bernama Helal ('SP2') di bawah s 307 Kanun. Kejadian berlaku di asrama pekerja Sykt CP Chicken iaitu tempat perayu dan mangsa-mangsa bekerja. Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan dalam membuktikan kesalahan perayu antaranya, eksh P30 dan P31 iaitu dua bilah pisau yang mempunyai profil DNA SP2, Kadir dan Shahin, dan dua sarung tangan getah berwarna merah ('P25 dan P27') yang mempunyai profil DNA perayu, Shahin, Kadir dan SP2. Bagi tuduhan cubaan membunuh pula, pendakwaan bergantung kepada keterangan SP2 yang mendakwa bahawa perayu telah menikam bahagian belakang dan lehernya, dan ketika itu perayu memakai sarung tangan berwarna merah. Perayu dalam pembelaannya pula manafikan ketiga-tiga pertuduhan dan mendakwa bahawa kejadian pembunuhan dan cubaan membunuh tersebut telah dilakukan oleh empat orang lelaki India yang telah masuk ke dalam asrama pekerja pada masa yang berkenaan. Di akhir perbicaraan, perayu telah disabitkan dengan kesemua pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori bagi kesalahan membunuh dan hukuman penjara selama sepuluh tahun bagi kesalahan cubaan membunuh. Rayuan perayu di Mahkamah Rayuan diputuskan sebagai tidak bermerit dan ditolak, oleh itu, perayu memfailkan rayuan ini. Isu utama yang dibangkitkan oleh perayu ialah kekhilafan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi yang memutuskan bahawa keterangan mengikut keadaan

F

G

H

I

yang disandarkan oleh pihak pendakwaan adalah memadai untuk mensabitkan perayu bersalah. Pendakwaan pula menekankan bahawa Mahkamah Tinggi telah secara betul menimbangkan semua keterangan yang dikemukakan dan telah mengaplikasikan prinsip-prinsip yang betul apabila menilai keterangan ikut keadaan, khususnya keterangan DNA.

Diputuskan, membenarkan rayuan; mengenepikan semua tuduhan dan sabitan; dan membebas dan melepaskan perayu:

(1) Perayu menjelaskan bahawa DNA-nya ditemui di P25 dan P27 kerana dia telah menggunakan sarung tangan getah yang berkenaan sebelum kejadian pembunuhan tersebut. Mahkamah Tinggi telah gagal untuk secara kritis dan kehakiman menilai alasan yang dikemukakan oleh perayu yang merupakan keterangan yang dimaksudkan oleh peruntukan s 182A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan keseluruhan keterangan yang memihak kepada perayu tentang sarung tangan P25 dan P27. Ketidakarahan ini telah menyebabkan salah laksana keadilan yang mewajarkan campur tangan mahkamah. Selain itu, kedua-dua pisau, P30 dan P31 tidak dalam apa cara sekalipun mengaitkan perayu dengan pembunuhan tersebut memandangkan tiada profil DNA perayu dijumpai di kedua-dua bilah pisau tersebut. Dalam ketiadaan apa-apa keterangan mengikut keadaan lain yang mengaitkan perayu dengan mayat kadir dan Shahin, adalah tidak selamat untuk mengekalkan sabitan dan hukuman terhadap perayu bagi pertuduhan pertama dan kedua (lihat perenggan 38, 41, 44–45 & 48–49).

(2) Pihak pendakwaan telah gagal memanggil doktor yang merawat SP2 dan juga gagal mengemukakan laporan perubatan SP2 di bawah s 399 KTJ untuk membuktikan sifat dan bentuk kecederaan yang dialami oleh SP2 yang merupakan elemen penting bagi kesalahan di bawah s 307 Kanun. Kegagalan ini mencacatkan kes pendakwaan terhadap perayu bagi pertuduhan ketiga ini. Selain itu, pihak pendakwaan juga telah gagal memanggil penghuni lain untuk memberikan keterangan tentang apa yang berlaku pada masa material di asrama tersebut. Kegagalan Mahkamah Tinggi untuk mengendalikan penilaian maksimum ke atas keterangan SP2 telah mengakibatkan salah laksana keadilan terhadap perayu, oleh itu, sabitan untuk pertuduhan ketiga juga tidak selamat (lihat perenggan 50, 53 & 55).

(3) Mahkamah Tinggi telah salah arah dengan serius apabila meletakkan beban ke atas perayu untuk membuktikan dia tidak bersalah dan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian bagi memutuskan perayu bersalah. Mahkamah Tinggi telah mengharapkan standard pembuktian yang lebih tinggi daripada apa yang boleh menimbulkan

keraguan yang munasabah daripada perayu. Ini sangatlah tidak memuaskan dan bertentangan dengan prinsip undang-undang yang sedia ada (lihat perenggan 58).

[Bahasa Malaysia summary

The appellant, a Bangladeshi, was charged with two counts of murder of his fellow countryman, namely Kadir and Shahin under s 302 of the Penal Code ('the Code') and another charge for attempting to murder his friend, Helal ('SP2') under s 307 of the Code. The incident took place at the CP Company's employees hostel where the appellant and the victims worked. The prosecution relied on circumstantial evidence in proving the appellant's guilt, specifically exh P30 and P31 which were knives containing SP2, Kadir and Shahin's DNA profiles and two red latex gloves ('P25 and P27') which contained the DNA profiles of the appellant, Shahin, Kadir and SP2. For the charge of attempt to murder, the prosecution relief on SP2's evidence who claimed that the appellant stabbed his back and neck and at that time the appellant was wearing red gloves. The appellant in his defence, denied the three charges and claimed that the murder and attempt to murder was carried out by four Indian men who entered the employees hostel at the material time. At the end of the trial, the appellant was convicted for all the charges and sentences to mandatory death sentench for the offence of murder and imprisonment for ten years for the offence of attempt to murder. The appellant's appeal at the Court of Appeal was held as devoid of merit and was dismissed. Hence, this appeal. The primary issue raised by the appellant was the error committed by the Court of Appeal and High Court in deciding that the circumstantial evidence relied on by the prosecution was sufficient to convict the appellant. The prosecution averred that the High Court was court in re-evaluating all the evidence adduced and in applying the correct principles in assessing the circumstantial evidence, especially the DNA evidence.

Held, allowing the appeal; setting aside the charges and conviction and acquitting and discharging appellant:

(1) The appellant explained that his DNA was found on P25 and P27 as he has used the latex gloves before the murder happened. The High Court failed to asses the contention critically and judicially which was the evidence under provision s 182A of the Criminal Procedure Code ('the CPC') and the entire evidence that favoured the appellant on P25 and P27. This non-direction occasioned a miscarriage of justice which warranted court intervention. Aside from that, the knives, P30 and P31 did not, in any way linked the appellant to the murder since the appellant's DNA profile was not found on them. In the absence of any other circumstantial evidence linking the appellant to Kadir and Shahin's bodies, it was not safe to maintain the conviction and sentence of the

appellant for the first and second charged (see paras 38, 41, 44–45 & 48–49).

(2) The prosecution failed to call the doctor who treated SP2 and failed to adduce medical report under s 399 of the CPC to prove the form and nature of the injury suffered by SP2 was an important element under s 307 of the Code. This failure made the prosecution's case against the appellant for the third charge defective. Aside from that, the prosecution failed to call other occupants to give testimony on what happened at the material time at the said hostel. The High Court's failure to give maximum evaluation on SP2's evidence caused miscarriage of justice against the appellant. Therefore, the conviction for the third charge was also not safe (see paras 50, 53 & 55).

(3) The High Court committed serious misdirection in placing the burden on the appellant to prove his innocence and by resorting to the yardstick of balance of probabilities to hold that he was guilty. The High Court anticipated a higher standard of proof than what could raise reasonable doubt of the appellant. This was not satisfactory and against the readily-available principles of law (see para 58).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 42–83.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Chow Kok Keong v PP [1998] 2 MLJ 337; [1998] 2 CLJ 469, MP (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, MP (dirujuk)
Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137; [1993] 3 CLJ 1, MA (dirujuk)
Hanafi bin Mat Hassan v PP [2006] 4 MLJ 134, MR (dirujuk)
Idris v PP [1960] 1 MLJ 296, MR (dirujuk)
Lee Kwan Woh v PP [2009] 5 MLJ 301; [2009] 5 CLJ 631, MP (dirujuk)
Mat v PP [1963] 1 MLJ 263 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137, MA (dirujuk)
Prasit Punyang v PP [2014] 4 MLJ 282, MR (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)
PP v Hanif Basree bin Abdul Rahman [2008] 3 MLJ 161, MP (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393, MP (dirujuk)
Ramli bin Kechik v PP [1986] 2 MLJ 33; [1986] 1 CLJ 308, MA (dirujuk)
Sia Soon Suan v PP [1966] 1 MLJ 116; [1965] 1 LNS 165, MP (dirujuk)
Tunde Apatira & Ors v PP [2001] 1 MLJ 259; [2001] 1 CLJ 381, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 92(1)
Kanun Keseksaan ss 302, 307
Kanun Tatacara Jenayah ss 182A, 182A(1), 399

Rayuan daripada: Rayuan Jenayah No N-05–102–04 Tahun 2012 (Mahkamah Rayuan, Putrajaya)

Mohd Radzi bin Yatiman (Rahim & Lawrnee) bagi pihak perayu.
Samihah Rhazali (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azahar Mohamed HMP (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Di Mahkamah Tinggi di Seremban, Olier Shekh Awoyal Shekh ('perayu'), seorang warganegara Bangladesh telah dipertuduh dengan dan dibicarakan atas tiga pertuduhan: dua pertuduhan kerana melakukan kesalahan membunuh dua orang rakan kerja senegaranya yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') dan satu lagi kerana melakukan kesalahan cuba membunuh seorang lagi rakan senegaranya dengan menyebabkan cedera yang boleh menyebabkan kematian yang boleh dihukum di bawah s 307 Kanun yang sama. Perbicaraan bagi ketiga-tiga pertuduhan telah dijalankan bersekali dan serentak.

[2] Kesemua kesalahan tersebut dikatakan berlaku pada 15 September 2009 di antara jam lebih kurang 2–4.10 pagi, di asrama pekerja berhampiran Klinik Pertama, Taman Kemuning, Senawang, di dalam Negeri Sembilan. Butir-butir terperinci ketiga-tiga pertuduhan itu adalah seperti yang berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 15.9.2009 di antara jam lebih kurang 2.00 hingga 4.10 pagi, di Asrama Pekerja berhampiran Klinik Pertama, Taman Kemuning, Senawang, di dalam Daerah Seremban, di dalam Negeri, Negeri Sembilan telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas Abdul Kadir Fazer Ali, No Pasport: B1337895 dan dengan ini kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 15.9.2009 di antara jam lebih kurang 2.00 hingga 4.10 pagi, di Asrama Pekerja berhampiran Klinik Pertama Taman Kemuning, Senawang, di dalam Daerah Seremban, di dalam Negeri, Negeri Sembilan telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas Shahin Md Amir Hossain, No Pasport: B0480180 dan dengan ini kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 15.9.2009 di antara jam lebih kurang 2.00 hingga 4.10 pagi, di Asrama Pekerja berhampiran Klinik Pertama Taman Kemuning, Senawang, di dalam Daerah Seremban, di dalam Negeri, Negeri Sembilan telah menyebabkan cedera yang boleh menyebabkan kematian ke atas Helal Hossain Mosharaf, No Pasport: R0998325 dan dengan ini kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan.

[3] Di akhir perbicaraan, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan oleh Mahkamah Tinggi dengan kesemua pertuduhan. Bagi kesalahan bunuh, Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas perayu. Manakala bagi kesalahan cuba membunuh, perayu dikenakan hukuman pemenjaraan sepuluh tahun dari tarikh tangkap.

[4] Perayu telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut. Setelah mendengar rayuan perayu, Mahkamah Rayuan dengan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan perayu tidak bermerit dan dengan yang demikian ditolak.

[5] Terkilan dengan keputusan Mahkamah Rayuan, perayu telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini terhadap keputusan tersebut.

[6] Keterangan-keterangan yang disandarkan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan ketiga-tiga kesalahan tersebut boleh diringkaskan seperti yang berikut. Kejadian berlaku di bangunan dua tingkat berhampiran Klinik Pertama Taman Kemuning, Senawang, Seremban. Tingkat bawah adalah sebuah kedai dobi dan tingkat atas adalah satu bilik yang digunakan oleh Sykt CP Chicken sebagai asrama pekerja yang disewakan khas oleh majikan untuk pekerja-pekerja warganegara Bangladesh.

[7] Asrama tersebut didiami oleh seramai 17 orang pekerja termasuk perayu, Helal Hossain Mosharaf ('SP2') dan dua orang si mati yang dinyatakan di dalam pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua, iaitu Abdul Kadir Fazer Ali ('Kadir') dan Shahin Md Amir Hossain ('Shahin'). SP2 pula adalah mangsa seperti yang dinyatakan di dalam pertuduhan ketiga.

[8] Menurut SP2, pada 14 September 2009 beliau bekerja dari jam 9 pagi sehingga 9 malam. Selepas selesai bekerja, SP2 telah pulang ke asrama tersebut. Setelah memasak SP2 mandi dan makan. Kemudian beliau terus tidur. SP2 menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 12 orang berada di dalam asrama tersebut pada malam itu, termasuk juga perayu yang baring di sebelah kanan tempat tidur beliau. SP2 tidak pasti pukul berapa perayu tidur.

[9] Semasa SP2 sedang tidur, beliau dikejutkan oleh perayu. Perayu meminta pemetik api untuk menghisap rokok. SP2 melihat perayu memakai baju singlet warna merah. SP2 mengambil pemetik api dan memberikannya kepada perayu. Perayu tidak mengambil pemetik api tersebut tetapi sebaliknya menutup mulut SP2 dengan tangan kiri lalu menikam bahagian belakang dan bahagian leher SP2 dengan pisau yang dipegang di tangan kanannya yang memakai sarung tangan berwarna merah.

[10] SP2 cuba melarikan diri ke arah rakan-rakannya yang sedang tidur tetapi dihalang oleh perayu yang berdiri di hadapannya. Perayu terus menikam SP2 beberapa kali di bahagian belakang dan perut sehingga SP2 tidak dapat bercakap apa-apa. Setelah menikam SP2, perayu terus meninggalkan asrama itu melalui tangga dan pada masa itu rakan-rakan SP2 telah tersedar dari tidur. Dengan bantuan mereka, SP2 telah dihantar ke hospital di mana beliau dirawat di situ selama satu bulan setengah.

[11] Pada 15 September 2009 jam 4.10 pagi semasa bertugas di Balai Polis Senawang, Konstabel Wanita Noorakmal bt Tajuddin ('SP6') telah menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki India bernama Maniam memaklumkan tentang kematian dua lelaki warganegara Bangladesh di asrama pekerja tersebut.

[12] Setelah dimaklumkan tentang kematian tersebut, pegawai penyiasat ASP Sulizmie Afendy bin Sulaiman ('SP9') telah mengetuai sepasukan polis ke asrama pekerja itu untuk menjalankan siasatan. SP9 sampai di tempat kejadian lebih kurang pukul 5.20 pagi.

[13] Di tempat kejadian, SP9 telah menemui mayat Kadir dan mayat Shahin, yang masing-masing berada atas tilam dalam asrama tersebut. Pemeriksaan awal beliau ke atas kedua-dua mayat mendapati luka kelar di leher, luka tikaman di sebelah belakang dan luka kelar pada bahu. SP9 juga menemui SP2 yang mengalami kecederaan di bahagian leher dan bahagian belakang badannya.

[14] SP9 telah menjalankan siasatan di persekitaran tempat kejadian di mana beliau telah menemui satu sarung tangan getah berwarna merah ('P25') lebih kurang satu meter dari pintu masuk asrama. Satu lagi sarung tangan getah berwarna merah ('P27') di jumpai oleh SP9 di atas anak tangga untuk masuk ke tingkat atas. Di kedua-dua sarung tangan itu terdapat kesan darah. SP9 juga telah menemui kesan darah di anak tangga. SP9 telah juga menemui dan mengambil barang-barang kes lain di tempat kejadian. Antaranya adalah seperti yang berikut: dua pisau bertanda P30 dan P31; *swabbing* darah di pisau, P30 bertanda P32 dan P33; *swabbing* darah di pisau, P31 bertanda P34 dan P35. Pisau bertanda P30 ditemui oleh SP9 lebih kurang satu meter dari hujung

kaki mayat Shahin. Manakala SP9 menjumpai pisau bertanda P31 di atas sofa lebih kurang lapan meter dari mayat Shahin. Semua barang kes tersebut telah dihantar ke jabatan kimia untuk tujuan pemeriksaan dan analisis. A

[15] Sementara itu, menurut Jamal Uddin Jaynal Abidin ('SP1') yang bekerja di KW Resources Network, Bandar Sri Damansara, pada 17 September 2009 perayu telah menelefonnya dan memberitahu dia berada di Johor Bahru dan mengatakan dia sakit, dan meminta pertolongan. SP1 telah memaklumkan perkara ini kepada majikannya dan majikannya telah mengarahkan SP1 menelefon perayu supaya perayu datang sendiri ke pejabat. B C

[16] Pada 18 September 2009, lebih kurang jam 2.30 petang, perayu telah datang ke tempat SP1 bekerja. Perayu memberitahu SP1 bahawa dia telah melarikan diri ke Johor Bahru. Apabila ditanya mengapa dia melarikan diri, perayu menjawab dia sakit dan demam dan sesuatu telah berlaku di Seremban. SP1 bertanya lanjut apa yang dimaksudkannya 'sesuatu telah berlaku' tetapi Perayu tidak memberitahu apa-apa. SP1 kemudiannya memaklumkan kepada pengurusnya yang telah menghubungi pihak polis Seremban. D

[17] Pada jam 7.30 malam, ASP Balachandran a/l Nadason ('SP4') datang ke tempat SP1 bekerja dan menangkap perayu. Perayu dibawa balik dan diserahkan kepada SP9 untuk tujuan siasatan. E

[18] Bedah siasat ke atas mayat Kadir dan mayat Shahin telah dilakukan oleh pakar forensik, Dr Sharifah Safoorah bt Syed Alwee Al'Aidrus ('SP5'). SP5 telah menyediakan laporan bedah siasat, iaitu P10 dan P13. Menurut SP5, punca kematian kedua-dua si mati ialah luka kelar di leher. Kecederaan itu menyebabkan pendarahan yang *extensive* dan pendarahan tersebut menyebabkan kematian. SP5 mendapati beberapa kecederaan di leher kedua-dua mayat yang memutuskan struktur yang penting, iaitu salur darah karotik dan jugular sebelah kanan serta juga saluran penafasan. F G

[19] Di dalam kes ini tiada saksi yang melihat bagaimana kedua-dua si mati dibunuh. Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan mengikut keadaan *(circumstantial evidence)* untuk membuktikan bahawa perayulah yang menyebabkan kecederaan yang mengakibatkan kematian kedua-dua si mati. Dalam hubungan ini, pihak pendakwaan bergantung kuat pada keputusan analisis DNA yang dijalankan oleh pakar DNA, Dr Seah Lay Hong. Hasil analisis semua ekshibit yang berkaitan yang dijalankan oleh pakar DNA itu telah dikemukakan sebagai P19 dan P21 yang, antara lain, menunjukkan seperti yang berikut: H I

(a) *swabbing* darah eksh P32 dan *swabbing* darah eksh P33 dari pisau

eksh P30 mempunyai profil DNA SP2 sebagai penyumbang terbesar dan profil DNA Shahin;

(b) manakala *swabbing* darah eksh P34 dari pisau eksh P31 mempunyai profil DNA SP2. *Swabbing* darah eksh P35 dari pisau eksh P31 pula mempunyai profil DNA Shahin sebagai penyumbang besar dan penyumbang minor ialah Abdul Kadir;

(c) pada bahagian luar *glove* eksh P25 terdapat profil DNA kepunyaan Kadir, Shahin dan SP2. Di bahagian dalamnya terdapat profil DNA Kadir dan perayu; dan

(d) pada bahagian luar *glove* eksh P27 terdapat profil DNA Kadir, Shahin dan SP2. Manakala di bahagian dalam terdapat profil DNA milik Kadir, Shahin, SP2 dan perayu.

[20] Berdasarkan kesemua keterangan di atas, Mahkamah Tinggi memutuskan terdapat keterangan terus, keterangan secara saintifik dan keterangan ikut keadaan yang mencukupi bagi membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Perayu telah dipanggil untuk membela diri sebagaimana pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya.

[21] Perayu telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Perayu menafikan penglibatannya dalam kejadian-kejadian yang menjadi hal perkara ketiga-tiga pertuduhan yang berkenaan. Perayu menafikan membunuh kedua-dua si mati, dan sebaliknya mendakwa bahawa SP2 tidak bercakap benar serta mereka-reka keterangan sewaktu memberi keterangan di mahkamah. Pembelaan perayu secara ringkasnya adalah bahawa kejadian dilakukan oleh empat orang lelaki India yang telah masuk ke dalam asrama pekerja pada masa yang berkenaan.

[22] Menurut perayu, pada jam 6 petang hari kejadian, Minu Miah ('SP3'), seorang warganegara Bangladesh yang bekerja di Sykt CP Chicken telah datang bertemunya di asrama pekerja. Apabila keluar dari tandas, dia melihat SP3 dipukul oleh dua orang. Seorang daripadanya memakai baju-T berwarna merah dan seluar jeans. Setelah ditanya, SP3 memberitahu perayu bahawa kedua-dua lelaki itu telah memberinya sejumlah ganja untuk disimpan dan SP3 telah menyimpan ganja tersebut di dalam hutan dan ganja tersebut telah hilang. Kerana itulah dua lelaki itu telah memukulnya.

[23] Pada malam itu, menurut perayu, dia masuk tidur agak lewat malam. Dia telah terjaga daripada tidurnya dan melihat ada empat orang lelaki India di dalam asramanya. Dia menjerit 'pencuri'. Dua daripada lelaki itu telah turun melalui tangga. Dia telah mengejar mereka hingga ke jalan raya tetapi gagal menangkap mereka. Dia kembali semula ke asrama. Di situ dia melihat dua

lelaki India yang lain, masing-masing memegang sebilah pisau. Seorang daripadanya ialah lelaki yang memakai baju-T merah yang petang tadinya telah memukul SP3. Kedua-dua lelaki itu hendak menikamnya. Perayu melarikan diri dan dikejar oleh kedua-dua lelaki itu. Di pertengahan jalan, perayu melihat dua lelaki yang dikejarnya tadi. Dua lelaki ini juga turut mengejarnya.

[24] Menurut perayu, dia dapat melarikan diri ke sebuah rumah kedai yang didiami oleh dua rakannya, Nashmul dan Rahaman. Perayu menceritakan kepada mereka apa yang terjadi. Pada masa itu dia tidak tahu bahawa Kadir dan Shahin telah mati dibunuh. Atas nasihat kawan-kawannya itu, perayu bermalam di rumah mereka kerana kemungkinan empat lelaki itu masih berkeliaran di persekitaran kawasan itu.

[25] Perayu kemudiannya telah pergi ke pejabat ejen yang mengambilnya bekerja di Damansara. Dia telah bertemu dengan SP1 dan menceritakan apa yang berlaku di asramanya. Pada ketika itu dia telah pun diberitahu oleh SP3 melalui telefon mengenai kejadian bunuh di asramanya. Perayu telah ditangkap di pejabat ejen tersebut.

[26] Menurut perayu, dia telah memberitahu pihak polis mengenai penglibatan empat lelaki India tersebut tetapi SP3 yang bertindak sebagai jurubahasa tidak memberitahu polis maklumatnya itu semasa menterjemahkan percakapannya kepada pihak polis. Di dalam percakapan beramarannya ('D47'), antara lain, perayu menyatakan:

> Dalam jam antara 3 pagi hingga 3.30 pagi saya dengar kawan saya nama Helal yang tidur sebelah saya telah menjerit dan tendang badan saya. Saya dengar Helal ada satu kali jerit Hey! Dan lepas itu dengar nafas dia saja. Saya nampak dua lelaki turun tangga dan saya ikut turun. Bila sampai di bawah ada sikit lampu terang saya nampak itu dua lelaki adalah orang India. Itu jam saya nampak ada orang tingkat atas, saya ingat kawan Bangladesh saya dan panggil mereka turun mahu minta tolong. Bila orang itu turun saya tengok orang India juga dan mahu potong saya dengan pisau. Saya terus lari. Saya lari pergi Shell dekat sana dan nampak ada empat lelaki India sedang tepuk tangan seperti mengejek saya. Saya takda kenal itu India. Saya tak nampak mereka ada bawa kenderaan. Tapi saya ingat tiga orang ada pakai pisau. Saya kemudian terus pergi rumah kawan saya nama Nazmul dan Rahaman. Saya ada cerita sama mereka yang dekat rumah saya ada empat India sudah potong kawan. Saya takut mahu tumpang tidur. Jam lebih kurang 8.00 pagi saya naik bas ke Terminal 1 dan dari situ naik bas pergi Kuala Lumpur saya takda mengaku ada bunuh kawan saya.

[27] Mahkamah Tinggi mendapati terdapat percanggahan material antara D47 dan keterangan perayu di mahkamah yang tidak dijelaskan oleh perayu. Ini menjejaskan kredibiliti perayu. Mahkamah Tinggi juga memutuskan pembelaan perayu hanyalah penafian kosong sahaja. Mahkamah Tinggi

berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan ketiga-tiga pertuduhan di tahap melampaui keraguan yang munasabah. Seperti mana yang dinyatakan di awal penghakiman ini, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu bagi ketiga-tiga pertuduhan itu.

[28] Di hadapan kami, antara isu utama yang dibangkitkan oleh peguam perayu ialah kekhilafan Mahkamah Rayuan dan juga Mahkamah Tinggi yang memutuskan bahawa keterangan mengikut keadaan dalam kes ini, yang disandarkan oleh pihak pendakwaan, adalah memadai untuk mensabitkan perayu bagi kedua-dua pertuduhan pertama dan kedua. Peguam telah berhujah bahawa tiada saksi mata yang telah mengaitkan perayu dengan pembunuhan tersebut. Peguam menambah bahawa Mahkamah Tinggi telah silap apabila tidak memutuskan bahawa keterangan mengikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak membawa kepada kesimpulan bahawa perayu bersalah dan tidak menyediakan suatu rangkaian sempurna untuk membuktikan kebersalahan perayu bagi kesalahan bunuh.

[29] Timbalan pendakwa raya ('TPR') di dalam hujahnya telah menekankan bahawa Mahkamah Tinggi telah secara betul menimbangkan semua keterangan yang dikemukakan di hadapannya dan telah mengaplikasikan prinsip-prinsip yang betul apabila menilai keterangan ikut keadaan, khususnya keterangan DNA. TPR juga berhujah bahawa Mahkamah Rayuan telah mengesahkan dapatan Mahkamah Tinggi bahawa SP2 merupakan saksi mata yang boleh dipercayai. TPR menambah Mahkamah Rayuan juga berpuas hati bahawa pencahayaan yang ada di dalam asrama tersebut membolehkan SP2 melihat penyerangnya, dan fakta ini disokong oleh keterangan SP9 sendiri yang melawat tempat kejadian pada pagi yang sama. Menurut TPR adalah mustahil untuk SP2 tidak dapat mengecam perayu yang merupakan rakan seasrama sejak tiga bulan sebelum kejadian.

[30] Di dalam kes ini, di mana keterangan yang ada bagi kesalahan bunuh merupakan keterangan bersifat ikut keadaan sepenuhnya, apa yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah bukan hanya kekuatan setiap helaian keterangan individu, tetapi juga gabungan kekuatan helaian-helaian ini yang boleh dijadikan seutas tali yang cukup kuat untuk menggantung perayu (sila lihat *Idris v Public Prosecutor* [1960] 1 MLJ 296). Keterangan ikut keadaan tidak boleh dijadikan asas bagi sabitan sekiranya helaian keterangan tersebut terputus dan terdapat jurang dalam kes pendakwaan. Dalam kes *Idris v Public Prosecutor*, hakim bicara telah menyatakan prinsip yang betul dengan menyatakan seperti yang berikut:

> In other words circumstantial evidence consists of this: that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undersigned, unexpected coincidences that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to

one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, it does not satisfy that test, if it leaves gaps then it is of no use at all.

[31] Keterangan mengikut keadaan dalam kes ini yang menjadi sandaran pihak pendakwaan ialah keterangan DNA. Di mana kes pendakwaan adalah berdasarkan keterangan DNA, pihak pendakwaan perlu mengambil satu langkah ke depan untuk menunjukkan bahawa DNA perayu (bersama dengan keterangan lain) menjurus kepada hanya satu kesimpulan sahaja, iaitu bahawa kesalahan tersebut dilakukan oleh perayu seorang sahaja dan tiada sesiapa lain pun bertanggungjawab bagi sebarang perkara yang berlaku ke atas kedua-dua si mati. Prinsip undang-undang ini telah dijelaskan oleh Zaki Azmi PMR (YAA ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* [2008] 3 MLJ 161 seperti yang berikut:

Therefore it is only when a person is identified and the DNA matches that of the identified person can it be of any use towards solving a crime investigation. But even then the prosecution needs to go one step further to show that the DNA of the suspect (together with any other evidence) is such that it points to one conclusion only, ie that the offence was committed by the suspect.

[32] Dalam konteks rayuan ini, isu utama ialah sama ada keterangan mengenai kewujudan profil DNA perayu yang terdapat di bahagian dalam sarung-sarung tangan getah berwarna merah, P25 dan P27 membawa kepada hanya satu kesimpulan yang tidak boleh disangkal, iaitu bahawa perayulah yang telah membunuh Kadir dan Shahin.

[33] Dalam penghakimannya, Mahkamah Tinggi telah menyatakan bahawa pihak pendakwaan bergantung pada keterangan saintifik, keterangan ikut keadaan dan keterangan SP2 untuk membuktikan elemen penting bahawa kecederaan teruk yang dialami oleh kedua-dua si mati telah disebabkan oleh atau adalah hasil daripada perbuatan perayu. Berhubung penemuan profil DNA perayu di kedua-dua sarung tangan getah itu, Mahkamah Tinggi menekankan pentingnya keterangan ini dengan berpendapat seperti yang berikut:

Pada pendapat mahkamah, penemuan profil DNA milik OKT di dalam sepasang sarung tangan getah telah menguatkan lagi keterangan SP2 bahawa OKT semasa mengelar leher SP2 ada memakai sepasang sarung tangan tersebut. Malah penemuan darah si mati-si mati dan SP2 pada bahagian luar sarung tangan tersebut menunjukkan bahawa orang yang mengelar leher si mati-si mati dan SP2 ada memakai sarung tangan tersebut semasa melakukan jenayah tersebut. Justeru keterangan SP2 melihat OKT ada memakai sarung tangan getah tersebut semasa kejadian telah menjemput mahkamah menggunakan satu inferen di bawah s 114 Akta Keterangan 1950 bahawa OKT memang ada memakai sarung tangan getah tersebut dan darah si mati-si mati dan SP2 telah mengenai bahagian luar sarung tangan getah tersebut semasa kejadian.

[34] Penghakiman Mahkamah Tinggi jelas menunjukkan bahawa dapatan yang mengaitkan perayu dengan pembunuhan Kadir dan Shahin adalah berdasarkan penemuan profil DNA milik perayu di bahagian dalam P25 dan P27 dan juga melalui keterangan SP2 bahawa perayu semasa menikam SP2 ada memakai sarung tangan berwarna merah. Menurut Mahkamah Tinggi, penemuan darah Kadir dan Shahin dan SP2 melalui profil DNA pada bahagian luar sarung-sarung tangan getah tersebut menunjukkan bahawa orang yang mengelar leher kedua-dua si mati dan menikam SP2 ada memakai sarung tangan tersebut semasa melakukan jenayah itu dan keterangan itu menjurus kepada perayu.

[35] DNA ialah singkatan bagi 'deoxyribonucleic acid'. Ia adalah sebatian kimia kompleks yang ditemui di dalam nukleus setiap sel dan membawa maklumat gen seseorang. Semua sel dalam badan seseorang mempunyai DNA yang sama dan DNA bagi setiap seorang kecuali kembar seiras adalah unik. Profil DNA seseorang hanya boleh dimiliki oleh orang tersebut sahaja (sila lihat *Hanafi bin Mat Hassan v Public Prosecutor* [2006] 4 MLJ 134).

[36] Dalam kes ini, sebahagian besar atau keseluruhan kes pendakwaan bersandarkan pada keterangan bahawa wujud profil DNA perayu di P25 dan P27 untuk membuktikan berlandaskan keterangan ikut keadaan bahawa kecederaan maut ke atas Kadir dan Shahin telah disebabkan oleh perbuatan perayu. Seperti mana yang dihujahkan oleh peguam perayu, tanpa keterangan DNA itu pihak pendakwaan tidak dapat mengaitkan perayu dengan pembunuhan tersebut.

[37] Fakta bahawa terdapat DNA perayu di P25 dan P27 tidak dipertikaikan oleh perayu. Namun berdasarkan prinsip undang-undang seperti yang digariskan oleh mahkamah ini dalam kes *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman*, penemuan profil DNA perayu di P25 dan P27 sahaja tidak mencukupi untuk membuktikan kesalahannya jika terdapat alasan munasabah mengapa DNA-nya dijumpai dalam keadaan yang sedemikian. Ini mewajarkan mahkamah memperhalusi dengan kritikal alasan mengapa DNA perayu dijumpai di P25 dan P27. Dalam konteks ini, SP2 di dalam keterangannya menyatakan bahawa kesemua pekerja di kilang itu diberi sarung tangan getah yang pada kebiasaannya berwarna merah dan sarung-sarung tangan ini dibawa balik dan disimpan di asrama untuk tempoh 2–3 hari. Terdapat juga keterangan dalam kes pihak pendakwaan sendiri yang menunjukkan bahawa pekerja-pekerja Sykt CP Chicken yang tinggal di asrama tersebut saling berkongsi sarung tangan antara mereka.

[38] Perayu dalam pembelaannya menyatakan bahawa dia bekerja di bahagian pemunggahan di syarikat tersebut. Sewaktu memberi keterangan di Mahkamah Tinggi, apabila ditunjukkan sarung tangan P25 dan P27, perayu

menyatakan bahawa sewaktu bekerja di bahagian pemunggahan, seperti juga pekerja lain di bahagian tersebut, dia juga menggunakan sarung tangan getah berwarna merah yang serupa dengan P25 dan P27. Perayu juga menyatakan bahawa pekerja yang tinggal di asrama tersebut saling berkongsi sarung tangan antara satu sama lain. Daripada pembelaan yang dikemukakan oleh perayu dapat disimpulkan bahawa apa yang hendak dijelaskan oleh perayu ialah bahawa dia telah menggunakan sarung tangan getah yang berkenaan sebelum kejadian pembunuhan tersebut dan itulah sebab mengapa DNA-nya ditemui di P25 dan P27. Berkaitan dengan penjelasan ini, keterangan SP9 bahawa sarung tangan getah berwarna merah tidak digunakan oleh perayu kerana dia bekerja di bahagian pemunggahan dan tidak di bahagian sembelihan adalah merupakan keterangan 'hearsay' kerana keterangan itu berdasarkan maklumat yang diperoleh sewaktu siasatan. Pihak pendakwaan gagal memanggil mana-mana penghuni asrama tersebut atau pihak pengurusan syarikat tempat perayu bekerja untuk mengesahkan kenyataan SP9 itu.

[39] Pada pandangan kami, alasan yang dikemukakan oleh perayu tentang kewujudan DNA-nya di P25 dan P27 perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Mahkamah Tinggi di penutup perbicaraan memandangkan alasan itu munasabah kerana terdapat keterangan dalam kes pendakwaan sendiri yang nampaknya menyokong penjelasan yang diberikan oleh perayu itu.

[40] Seksyen 182A Kanun Tatacara Jenayah ('Kanun') menjelaskan tanggungjawab mahkamah pada penutup perbicaraan dengan memperuntukkan seperti yang berikut:

> 182A(1) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.
>
> (2) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it.
>
> (3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal.

[41] Mengikut s 182A(1) Kanun pada penutup perbicaraan, mahkamah hendaklah menimbang keseluruhan keterangan *(all the evidence)* yang dikemukakan di hadapannya dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Badan perundangan telah menggunakan terma 'keseluruhan keterangan'. Penekanan mestilah diberikan pada perkataan 'keseluruhan' (sila lihat *Prasit Punyang v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 282 dan *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85). Dalam keadaan kes ini, penjelasan perayu tentang kewujudan DNA-nya di P25 dan P27 adalah merupakan

keterangan sepertimana yang dimaksudkan oleh peruntukan s 182A dan Mahkamah Tinggi hendaklah memberinya pertimbangan dalam membuat dapatan sama ada atau tidak pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

[42] Matlamat peruntukan s 182A Kanun ini jelas adalah untuk memastikan sebarang pembelaan yang dikemukakan oleh perayu diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Mahkamah Tinggi demi untuk mencapai perbicaraan yang adil. Beban pembuktian am yang ditanggungkan sepanjang perbicaraan ke atas pihak pendakwaan adalah untuk membuktikan kebersalahan perayu melampaui keraguan munasabah atas kesalahan yang baginya dia dipertuduh. Beban itu tidak berganjak. Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah bergantung pada sama ada wujud atau tidak keraguan munasabah dalam keterangan yang dikemukakan di hadapan mahkamah. Ini merupakan persoalan fakta yang perlu diputuskan oleh mahkamah pada penutup perbicaraan dengan berhati-hati selepas mengambil kira kesemua keterangan termasuk juga apa-apa penjelasan serta pembelaan yang dikemukakan oleh perayu dan hal keadaan yang timbul dalam perbicaraan.

[43] Mahkamah Tinggi sebagai mahkamah perbicaraan mempunyai tugas statutori untuk membuat dapatan spesifik tentang alasan atau penjelasan yang dibangkitkan oleh perayu berkaitan dengan P25 dan P27. Tugas mahkamah perbicaraan adalah untuk memastikan tanggungjawab undang-undang dipatuhi untuk mengelakkan keadaan-keadaan 'failure of justice'.

[44] Setelah kami membaca dengan penuh teliti keseluruhan penghakiman Mahkamah Tinggi, kami mendapati Mahkamah Tinggi telah terlepas perhatian dan gagal untuk secara kritis dan kehakiman menilai alasan yang dikemukakan oleh perayu dan keseluruhan keterangan yang memihak pada perayu tentang sarung tangan P25 dan P27 itu. Mahkamah Tinggi langsung tidak membuat komen tentang isu ini dalam penghakimannya. Mahkamah Tinggi seolah-olah tidak mengendahkan penjelasan perayu tentang mengapa DNA-nya wujud di P25 dan P27.

[45] Pada pandangan kami, Mahkamah Tinggi gagal untuk menilai betapa pentingnya isu ini sedangkan isu ini boleh membangkitkan keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwaan memandangkan tanpa keterangan DNA itu tiada apa-apa keterangan ikut keadaan lain untuk mengaitkan perayu dengan pembunuhan tersebut. Kegagalan untuk memberi pertimbangan tentang isu ini dianggap kegagalan untuk mempertimbangkan pembelaan yang telah dikemukakan oleh perayu. Mahkamah Tinggi mempunyai kewajipan untuk mempertimbangkan keterangan perayu secara menyeluruh, termasuk keterangan pendakwaan yang menyebelahi perayu. Adalah

kewajipan Mahkamah Tinggi untuk mempertimbangkan pembelaan tersebut terutamanya apabila penjelasan itu boleh dianggap munasabah. Pada akhirnya, jika terdapat keraguan, faedah keraguan itu mesti diberikan kepada perayu. Seandainya Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rayuan mempertimbangkan keterangan DNA yang berkenaan dalam perspektif yang betul dengan mengambil kira penjelasan perayu, berkemungkinan besar bahawa kedua-dua mahkamah tersebut akan membuat dapatan bahawa keterangan DNA itu tidak boleh menjadi asas kepada sabitan terhadap perayu. Dengan ini, pada pandangan kami, Mahkamah Tinggi telah gagal mengarahkan dirinya dengan betul kerana tidak melihat keseluruhan keterangan secara objektif dan dari segala sudut, sehingga berkesudahan dengan perayu kehilangan peluang yang terbuka kepada dia untuk dibebaskan dan dilepaskan. Akibatnya, berlaku satu kegagalan atau ketidakadilan, yang mempunyai kesan menyebabkan sabitan ke atas perayu tidak selamat. Kami berpandangan, ketidakarahan ini terjumlah kepada salah arahan dan dalam hal ini, suatu salah laksana keadilan (*miscarriage of justice*) telah berlaku yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini (sila lihat *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137; [1993] 3 CLJ 1, *Chow Kok Keong v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 337; [1998] 2 CLJ 469 dan *Lee Kwan Woh v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301; [2009] 5 CLJ 631).

[46] Sungguhpun keterangan pendakwaan berkaitan dengan keterangan DNA perayu yang dijumpai di P25 dan P27 mengaitkan perayu dengan kesalahan tersebut, manfaat keraguan perlu diberikan kepada perayu berdasarkan keadaan kes ini kerana terdapat alasan munasabah mengapa DNA-nya dijumpai dalam keadaan yang sedemikian. Dalam hubungan ini, Zaki Azmi PMR (YAA ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* telah menyatakan seperti yang berikut:

> The accused's DNA found in circumstances that may have created suspicion of his guilt is not enough to prove his guilt. If there are reasonable explanations as to why his DNA was found in those circumstances, the benefit must be given to him and he must be acquitted and discharged.

[47] Kemungkinan terdapat elemen kebenaran dan syak wasangka terhadap perayu, tetapi syak wasangka bukanlah merupakan bukti dan tidak boleh dijadikan asas untuk sabitan terhadap perayu. Bukti melangkaui keraguan munasabah ialah bukti yang menyebabkan mahkamah penuh yakin bahawa perayulah yang melakukan kesalahan tersebut. Seperti mana yang dinyatakan dalam kes *Ramli bin Kechik v Public Prosecutor* [1986] 2 MLJ 33; [1986] 1 CLJ 308, 'the fairness of a trial according to law is not all one sided; it requires that those who are undoubtedly guilty should be convicted as well as that those about whose guilt there is any reasonable doubt should be acquitted'.

[48] Terdapat satu lagi aspek kes pendakwaan yang menimbulkan banyak

tanda tanya. Di sini adalah penting untuk diberi perhatian bahawa tidak terdapat profil DNA perayu di kedua-dua pisau, P30 dan P31, yang dikatakan digunakan sebagai senjata yang menyebabkan kecederaan maut ke atas Kadir dan Shahin. Kedua-dua senjata tersebut tidak dalam apa cara sekalipun mengaitkan perayu dengan pembunuhan itu. Tetapi yang lebih penting lagi, seperti mana yang dihujahkan oleh peguam perayu, fakta bahawa terdapat dua senjata yang digunakan bagi menyebabkan kecederaan maut ke atas kedua-dua si mati menunjukkan terdapat kemungkinan yang munasabah bahawa pembunuhan tersebut sebenarnya dilakukan oleh dua orang atau lebih. Dalam hubungan ini, ada satu perkara yang perlu diberi penekanan. Menurut pakar DNA, pada pisau P30 (dijumpai oleh SP9 lebih kurang satu meter daripada hujung kaki mayat Shahin) terdapat kesan darah mengandungi DNA-DNA SP2 dan Shahin. Manakala pada pisau yang satu lagi iaitu P31 (dijumpai oleh SP9 di atas sofa lebih kurang lapan meter daripada mayat Shahin) terdapat kesan darah mengandungi DNA-DNA SP2, Shahin dan Kadir. Ini membangkitkan inferen bahawa kecederaan teruk ke atas Shahin adalah diakibatkan bukan dengan satu senjata tetapi dengan dua senjata yang berlainan. Begitu juga kecederaan yang dialami oleh SP2 adalah disebabkan oleh dua senjata yang berlainan. Semua keterangan ini menyokong kemungkinan yang munasabah bahawa peristiwa pada malam tersebut di tempat kejadian telah dilakukan oleh dua orang atau lebih. Tambahan lagi terdapat keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang menunjukkan bahawa *swabbing* darah pada garfu yang bertanda 16 yang dijumpai di dalam dapur asrama tersebut mempunyai kesan darah milik Kadir. Tanpa penjelasan daripada pihak pendakwaan, ini menimbulkan inferen yang kuat bahawa garfu tersebut juga digunakan untuk mencederakan Kadir pada masa yang material di tempat kejadian. Perlu ditekankan di sini bahawa pada pisau P31 terdapat juga darah yang mengandungi DNA Kadir. Ini menguatkan lagi kemungkinan bahawa kecederaan teruk yang dialami oleh Kadir adalah akibat daripada perbuatan oleh dua orang atau lebih. Semuanya ini merupakan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang menyebelahi perayu yang Mahkamah Tinggi gagal memberi sebarang pertimbangan tentangnya dan melihatnya secara objektif dan dari segala sudut.

[49] Dalam ketiadaan apa-apa keterangan mengikut keadaan lain untuk mengaitkan perayu dengan mayat Kadir dan Shahin, kami berpandangan adalah tidak selamat untuk mengekalkan sabitan dan hukuman terhadap perayu bagi pertuduhan pertama dan kedua.

[50] Sekarang kami beralih kepada pertuduhan ketiga bagi kesalahan di bawah s 307 KK. Memang benar terdapat keterangan SP2 yang secara langsung mengaitkan perayu dengan kesalahan tersebut. Bagi pertuduhan ini, sifat dan bentuk kecederaan yang dialami oleh SP2 yang dikatakan boleh menyebabkan kematian adalah elemen penting bagi kesalahan di bawah s 307

KK. Elemen penting ini sewajarnya dibuktikan oleh pihak pendakwaan sewaktu kes pendakwaan dengan memanggil doktor yang merawat SP2 atau mengemukakan laporan perubatan ke atas SP2 di bawah s 399 Kanun. Namun begitu, sewaktu kes pendakwaan, bukan sahaja doktor yang berkenaan tidak dipanggil untuk memberi keterangan, malahan laporan perubatan tentang kecederaan yang dialami oleh SP2 juga tidak dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Walaupun SP2 telah memberi keterangan tentang kecederaan yang dialaminya itu namun sewajarnya doktor yang berkenaan dipanggil oleh pihak pendakwaan untuk menjelaskan kecederaan yang dialami oleh perayu atau sekurang-kurangnya laporan perubatan itu dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi mahkamah menilai sendiri sama ada semua elemen kesalahan tersebut dibuktikan. Kegagalan ini mencacatkan kes pendakwaan terhadap perayu bagi pertuduhan ketiga ini.

[51] Selain itu, kami juga telah memperhalusi keterangan SP2. Secara keseluruhannya kami mendapati keterangan itu menimbulkan lebih banyak persoalan daripada memberi jawapan. Keterangan SP2 perlu dinilai berdasarkan kes pendakwaan bahawa perayu ialah orang yang telah menyerang SP2 setelah dia (perayu) sendiri dan berseorangan menyebabkan kecederaan teruk ke atas Kadir dan Shahin. Dalam hubungan ini, menurut pakar forensik SP5, kecederaan leher bagi kedua-dua si mati adalah yang terakhir, berbanding kecederaan-kecederaan yang lain yang dialami. Kehadiran *defensive wound* bermakna Shahin masih sedar semasa diserang. Fakta penting yang perlu dipertimbangkan ialah mayat Shahin ditemui betul-betul di sebelah tempat tidur SP2. Berdasarkan keterangan forensik, Shahin masih boleh bersuara dan bergerak sebelum kelaran yang membawa kematiannya. Malahan pakar forensik itu dalam keterangannya di Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa kemungkinan besar satu pergelutan telah berlaku semasa kecederaan tesebut dilakukan ke atas si mati. Meskipun demikian, SP2 tidak nampak apa yang menimpa ke atas Shahin. Ini boleh menimbulkan keraguan dan kesangsian terhadap keterangan SP2.

[52] Di samping itu mayat Kadir ditemui oleh SP9 di bahagian dapur asrama tersebut. Terdapat keterangan bahawa *swabbing* darah pada garfu yang bertanda 16, *swabbing* darah pada 'hearphone' yang bertanda 13(1) serta *swabbing* pada kesan darah yang didapati di bahagian dapur ruang bertanda 14(1), yang semuanya itu mempunyai kesan darah milik Kadir, kesemuanya ditemui bertumpu di bahagian dapur asrama tersebut. Di bahagian dapur itu juga SP9 juga telah menjumpai sebilah pisau yang mempunyai kesan darah tetapi pada *swabbing* darah dari pisau tersebut tidak ditemui DNA. Melihat kesemua keterangan ini secara menyeluruh, satu inferen yang munasabah yang boleh dibangkitkan ialah bahawa telah berlaku satu pergelutan di dapur di mana mayat Kadir ditemui.

[53] Di sini apa yang relevan untuk diberi pertimbangan ialah bahawa pada masa kejadian, terdapat 13 orang berada dalam asrama termasuk perayu. Namun, tiada penghuni lain dipanggil untuk tampil memberi keterangan tentang apa yang sebenarnya berlaku pada masa yang material di asrama tersebut. Tidak begitu munasabah dan sememangnya luar biasa dalam hal keadaan khusus seperti yang dinyatakan di atas, tiada penghuni lain di asrama itu terkejut daripada tidur mereka sehingga dapat memberi keterangan tentang apa yang sebenarnya berlaku di asrama tersebut pada masa yang berkenaan.

[54] SP2 dalam keterangannya telah menyatakan bahawa apabila diserang oleh perayu pada masa itu, beliau cuba melarikan diri ke arah rakan-rakannya yang sedang tidur tetapi dihalang oleh perayu yang berdiri di hadapannya. Dalam keadaan ini adalah munasabah untuk membuat inferens bahawa ada penghuni lain di asrama itu yang akan terkejut daripada tidur mereka. Dalam hal keadaan kes ini, dengan mengingati bahwa Kadir dan Shahin telah mengalami kecederaan teruk sebelum SP2 diserang, keterangan penghuni lain tentang apa yang berlaku pada masa yang berkenaan dapat memberikan jawapan kepada persoalan yang timbul daripada keterangan SP2 itu. Pendek kata terdapat jurang luas dalam kes pendakwaan kerana terdapat keraguan serius berhubung apa yang sebenarnya berlaku pada malam itu di tempat kejadian dan menjadi kewajipan mahkamah ini untuk campur tangan dan memperbetulkan kesilapan yang dibuat oleh mahkamah bawahan. Seperti mana yang dinyatakan dalam kes *Sia Soon Suan v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 116; [1965] 1 LNS 165, '... the requirement of strict proof in a criminal case cannot be relaxed to bridge any material gap in the prosecution evidence. Irrespective of whether this court is otherwise convinced in its own mind of the guilt or innocence of an accused, its decision must be based on the evidence adduced and nothing else. This is axiomatic'.

[55] Kegagalan Mahkamah Tinggi untuk mengendalikan penilaian maksimum ke atas keterangan SP2 telah mengakibatkan salah laksana keadilan terhadap perayu yang mengakibatkan sabitan bagi pertuduhan ketiga juga tidak selamat dan mewajarkan campur tangan mahkamah ini.

[56] Selain semua kesilapan dan kelemahan di atas, kami juga mendapati Mahkamah Tinggi juga telah salah arah tentang standard pembuktian. Ini dapat dilihat dalam penghakiman Mahkamah Tinggi seperti yang berikut:

> Secara ringkas, landasan pembelaan OKT adalah bukan beliau yang melakukannya tetapi telah dilakukan oleh orang lain. Jika OKT dapat meyakinkan mahkamah tentang kewujudan orang lain dalam bentuk keterangan maka OKT layak untuk dibebaskan. Mahkamah berpendapat semata-mata 'vague conjecture' atau inferens kemungkinan OKT tidak bersalah bukanlah reasonable doubt. *Pihak pembelaan mestilah menunjukkan 'hard evidence' yang kemudiannya boleh mewujudkan*

keraguan sehingga terputusnya elemen-elemen yang perlu dibuktikan. (Penekanan ditambah). A

[57] Mahkamah Tinggi juga memutuskan bahawa:

Secara amnya, pada peringkat pembelaan, beban adalah di bahu pihak pembelaan untuk membawa keterangan atau keterangan pihak pembelaan mestilah mampu untuk menyangkal keterangan prima facie pihak pendakwaan. B

Dengan itu pihak pembelaan hanya perlu membangkitkan suatu keraguan yang munasabah atas imbangan kebarangkalian dalam pembelaannya. (Penekanan ditambah). C

[58] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa dalam satu kes jenayah, pihak pendakwaan memikul beban pembuktian secara amnya untuk membuktikan kesalahan tertuduh sehingga melampaui keraguan munasabah. Kegagalan Mahkamah Tinggi mengarahkan dirinya dengan betul D menjadikan keputusan muktamadnya salah sama sekali. Penghakiman Mahkamah Tinggi menunjukkan satu pendekatan yang salah dalam menentukan kebersalahan perayu. Mahkamah Tinggi telah salah arah dengan serius apabila meletakkan beban ke atas perayu untuk membuktikan dia tidak bersalah dan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian bagi E memutuskan perayu bersalah. Nampaknya Mahkamah Tinggi telah mengharapkan standard pembuktian yang lebih tinggi daripada apa yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah daripada perayu. Ini sangatlah tidak memuaskan dan bertentangan dengan prinsip undang-undang yang sedia ada seperti mana yang digariskan oleh mahkamah ini dalam kes-kes F *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, *Pang Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 137 dan *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337.

[59] Daripada pengamatan kami, Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah G Rayuan membuat dapatan bahawa perayu tidak konsisten dalam pembelaannya dan terdapat percanggahan material antara percakapannya, D47 dan keterangannya di dalam mahkamah yang tidak dijelaskan. Menurut Mahkamah Tinggi, percanggahan ini telah mewujudkan keraguan ke atas kredibiliti perayu dan ini banyak, pada pengamatan kami, mempengaruhi H Mahkamah Tinggi untuk menolak pembelaan perayu. Pendekatan yang sedemikian adalah bertentangan dengan prinsip bahawa sungguhpun mahkamah tidak menerima penjelasan atau mendapati perayu bercakap bohong, perayu tidak boleh terus disabitkan sehingga mahkamah berpuas hati atas sebab yang mencukupi bahawa penjelasan atau pembelaan yang diberikan I itu tidak membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (sila lihat *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263 dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393). Dalam kes ini, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, Mahkamah Tinggi tidak memberi

sebab mengapa alasan yang diberikan oleh perayu tentang kewujudan DNA-nya di P25 dan P27 tidak membangkitkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Kegagalan Mahkamah Tinggi berbuat demikian merupakan arahan salah yang sesungguhnya serius yang mengakibatkan sabitan ke atas perayu tidak selamat (sila lihat *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor*).

[60] Memang benar adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa berkenaan rayuan yang membangkitkan persoalan fakta, mahkamah ini pada amnya enggan mengganggu dapatan fakta oleh mahkamah bicara kerana sebagai pembicara fakta, mahkamah bicara mempunyai kelebihan *audio-visual*. Walau bagaimanapun, adalah terbuka kepada mahkamah ini untuk campur tangan dalam dapatan yang dibuat oleh mahkamah bawahan sekiranya dapatan tersebut tidak disokong oleh keterangan atau keputusan tersebut bercanggah dengan berat keterangan atau tiada pertimbangan kehakiman yang betul atau terdapat salah arah undang-undang atau mahkamah bicara telah secara asasnya tersalah arah (sila lihat *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737).

[61] Dalam kes ini, sepertimana yang telah kami huraikan, mahkamah bawahan telah gagal membuat pertimbangan kehakiman yang betul dan juga terdapat salah arah undang-undang yang serius yang menyebabkan keadilan tidak dilaksanakan. Justeru, ini mewajarkan campur tangan mahkamah ini untuk memperbetulkan kesilapan yang telah berlaku.

[62] Memandangkan hal keadaan kes ini, kami berpendapat tidak wajar bagi mahkamah ini menggunakan proviso kepada s 92(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan mengesahkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi. Ini adalah kerana tidak terdapat 'exceptional circumstances' dalam kes ini untuk mewajarkan mahkamah ini menggunakan proviso kepada peruntukan tersebut seperti yang diputuskan dalam kes *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259; [2001] 1 CLJ 381.

[63] Atas semua alasan di atas, rayuan ini dibenarkan. Dengan yang demikian semua sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu diketepikan. Perayu dibebaskan dan dilepaskan.

Rayuan dibenarkan; semua tuduhan dan sabitan diketepikan; perayu dilepaskan dan dibebaskan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar